

DATE : 09 OCT 2024
PUBLICATION : UTUSAN SARAWAK
SECTION : BISNES
HEADLINE : KHPT TUMPU PERTUMBUHAN PASARAN TEMPATAN
CATEGORY : COMPANY
MEASUREMENT : 130 CM²
TONE : NEUTRAL
REMARKS : N/A

KHPT tumpu pertumbuhan pasaran tempatan

KUALA LUMPUR: Syarikat yang mula disenaraikan di Pasaran ACE, KHPT Holdings Bhd (KHPT) mengutamakan pasaran tempatan, didorong oleh prospek industri yang optimis dan jangkaan kepada pengenalan beberapa model kereta baharu.

Pengarah Urusan Kumpulan KHPT, Datin Eloise See menekankan komitmen syarikat itu terhadap peluang tempatan, dengan mengambil kira kemasukan model asing ke Malaysia.

"Kami turut berharap untuk menyaksikan lebih banyak syarikat menubuhkan kilang bagi pengeluaran pemasangan tempatan (CKD) yang lengkap atau penyetempatan kenderaan di Malaysia," katanya pada sidang media selepas majlis penyenaian syarikat itu di sini semalam.

Pengeluar dan pembekal alat ganti automotif tempatan itu membuat penampilan sulung di Pasaran ACE Bursa Malaysia pada 29 sen, premium sembilan sen melebihi harga tawaran awam permulaan (IPO) sebanyak 20 sen, dengan 15.02 juta saham diniagakan.

Menerusi terbitan awam sebanyak 108,644,300 saham biasa baharu, syarikat itu berjaya mengumpulkan RM21.73 juta.

Sementara itu, See berkata KHPT sedang giat mengguna pakai amalan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) sebagai antara strategi untuk menjalin perkongsian dan mengembangkan perniagaan pada masa hadapan.

Beliau menekankan mengenai pelaksanaan langkah ESG syarikat yang berterusan, termasuk pengurangan ketara dari segi penggunaan tenaga semasa proses pembuatannya dengan menaik taraf kepada motor servo yang lebih cekap tenaga.

"Selain itu, kami telah melanggan perkhidmatan perisian perakaunan dan pengurusan karbon untuk mengumpul dan menganalisis laporan pelepasan karbon kami melalui platform Pantas Climate Solution (Pantas)," katanya.

Pantas, syarikat pemula niaga teknologi iklim tempatan menawarkan pengurusan karbon dan penyelesaian usaha wajar iklim yang disesuaikan untuk perniagaan dan institusi kewangan.

See berkata syarikat itu telah memulakan perjalanan ESG sebagai maklum balas kepada peningkatan permintaan daripada firma automotif tempatan dan antarabangsa yang berhasrat bekerjasama dengan perusahaan kecil dan sederhana yang mengutamakan amalan ESG. - Bernama



KHPT Holdings Bhd (KHPT)